

'Umno bukan untuk kebendaan semata'

PARIT, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli Umno supaya jangan terpedaya oleh dakwah-dakwah palsu orang-orang yang ti-

dak bertanggungjawab, yang mendakwa perjuangan Umno untuk kebendaan semata-mata.

Perdana Menteri menegaskan, dakwah mereka itu tidak benar sama sekali kerana Umno me-

numpukan perhatian terhadap pembangunan sejajar dengan kehendak agama Islam sendiri.

"Kalau kita tumpukan kepada pembangunan, tidak bermakna kita tidak beri perhatian kepada soal-soal kerohanian dan ibadat yang lain," ujarnya ketika merasmikan bangunan Umno Bahagian Parit dan sidang perwakilan Bahagian, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno Malaysia hairan dengan sikap golongan tertentu itu yang menuduh Umno hanya menumpukan perhatian kepada perjuangan kebangsaan.

"Kalaupun demikian, mengapa mereka tidak berjuang di lain-lain tempat tidak kira di mana adanya orang Islam," katanya.

Sebaliknyanya, tambah beliau, mereka cuma berjuang di Malaysia. Ini bermakna mereka juga mengutamakan soal-soal kebangsaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, golongan itu patutlah memikul senjata bersama-sama berjuang dengan rakyat Islam seperti di Lebanon dan Palestin.

"Tetapi ini tidak dilakukan dan mereka hanya berjuang di pondok-pon-

dok dan berlingkup di sebalik perjuangan kebangsaan. Mereka berjuang bukan untuk orang-orang Islam seluruhnya," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga menyentuh peluang-peluang perniagaan di negara ini menegaskan, penyeriaan orang-orang Melayu dalam bidang itu bukan untuk menghapuskan hak orang lain.

"Kita hanya menuntut yang hak sahaja. Kita mahu agar rakyat Malaysia berbilang kaum dapat hidup aman damai seperti kata pepatah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah," ujarnya.

Penimpin

Beliau juga mengingatkan rakyat Bumiputera supaya jangan terlalu memilih kerja. "Di negara kita memang banyak peluang pekerjaan dan jika tidak mengapa orang-orang dari Negeri Thai, Indonesia dan Filipina berhijrah ke negara ini untuk bekerja."

Kepada ahli-ahli Umno, Perdana Menteri mengingatkan mereka supaya jangan cuba menjatuhkan pemimpin yang dianggap tidak pandai kerana kekuatan parti ti-

dak terletak kepada kepintaran pemimpin sahaja.

Menurutnya, pemimpin yang tidak pandai tetapi disokong oleh semua anggota di peringkat bahagian, cawangan atau nasional, boleh bertugas lebih berkesan kepada parti daripada pemimpin yang pintar.

"Pemimpin yang pintar tetapi tidak mempunyai sokongan menyeluruh tidak mungkin berkesan kerana akan timbul perak-peranda antara penyokongnya yang bakal akan memecah-belahkan parti," katanya.

Oleh itu, beliau berharap pemimpin Umno akan berwaspada terhadap perkara ini dan jangan cuma memikirkan isu "siapa yang mendapat tempat" dalam parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia